

## Isu kalimah Allah lebih sesuai diperkemas, diperjelas kepada MKI - PM

Ridauddin Daud  
Jun 7, 2023 18:22 MYT

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersetuju dengan cadangan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah untuk membawa isu kalimah Allah kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI).

Baginda bercadang untuk membawa isu tersebut kepada Mesyuarat MKI pada Ogos ini sebelum diangkat kepada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu pada Oktober nanti.

Menerusi satu kenyataan pada Rabu, Perdana Menteri berkata beliau menghadap Sultan Sharafuddin pada Rabu.

Pertemuan itu adalah bagi menyebarkan maklum kepada Baginda berhubung keputusan Kerajaan dalam kes Jill Ireland melawan Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia di Mahkamah Rayuan.

Dalam sesi menghadap tersebut, PM Anwar menjelaskan pendirian Kerajaan Persekutuan yang menghormati undang-undang yang berkuat kuasa di negeri-negeri dan kedudukan Raja-Raja Melayu.

"Selepas berbincang dengan DYMM Sultan Selangor, saya menghormati pandangan Baginda yang selari dengan keputusan Jemaah Menteri Mei lalu bahawa isu penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam di Sabah dan Sarawak lebih sesuai diperkemas dan diperjelaskan kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) yang berperanan menasihati Majlis Raja-Raja," menurut kenyataan itu.

Dalam pada itu, Perdana Menteri sekali lagi menegaskan pendirian Kerajaan Persekutuan untuk memperaku dan menerima pakai dasar sedia ada.

"Dasar sebelum ini adalah mengehadkan penggunaan kalimah Allah kepada orang Islam di Semenanjung Tanah Melayu serta kelonggaran bersyarat oleh orang bukan Islam di Sabah dan Sarawak.

"Kerajaan juga memberikan komitmen untuk memperkemas dasar sedia ada berdasarkan ketetapan Majlis Raja-Raja yang akan diangkat sebagai suatu dasar muktamad berhubung penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam di Malaysia," ujarnya.